

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Majlis Daerah Lundu
Jalan Batang Kayan
94500 Lundu

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan	Deposit Tender
1.	Hardtop cabin Faberglass Speedboat	1	RM3,000.00	RM300.00
2.	Lori Mitsubishi Fuso	1	RM7,000.00	RM700.00

2. Aset boleh dilihat pada 11 Mac 2021 hingga 17 Mac 2021 di antara jam 0800 pagi hingga 4.00 petang di Tempat Letak Kenderaan Majlis Daerah Lundu.
3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Kerajaan (KEW.PA 25) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 5. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 60 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebutharga MDL/JPAK/BOS/Q/01/2021 dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Pejabat Majlis Daerah Lundu (Bahagian Khidmat Pengurusan) atas nama:
- Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Majlis Daerah Lundu
Jalan Batang Kayan 94500 Lundu**
5. Tarikh tutup sebutharga pada 18 Mac 2021 jam 12.00 tengahari. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(NORASHIKIN BINTI BRAHIM)
Setiausaha
Majlis Daerah Lundu

Alamat:

Majlis Daerah Lundu, Jalan Batang Kayan 94500 Lundu

Tarikh:

11 MAR 2021

Cop :



SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam wang tunai atau cek atas nama **MAJLIS DAERAH LUNDU**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basic*)
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.